Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Kompleks Mahkamah Kuching,
Jalan Gersik, 93050 Petra Jaya,
Kuching, Sarawak.

Tele/on *082-311373*
Kawai *REGCOURT*
No. Faks *082-311575*

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (67) dim. JUD/134/Jld.5

Tarikh: 30 September, 2013

Hakim Mahkamah Sesyen,
Sabah dan Sarawak.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Majistret,
Sabah dan Sarawak.

Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 7 TAHUN 2013

PENANGGUHAN PERBICARAAN KES-KES SIVIL ATAS ALASAN PENFAILAN PERMOHONAN INTELOKUTORI DI SAAT AKHIR

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Pemantauan berterusan yang dilakukan oleh YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak ke atas pengurusan kes sivil di Mahkamah Sabah dan Sarawak mendapati sudah terdapat kecenderungandi kalangan para peguam menfailkan pelbagai permohonan di saat-saat akhir sebelum tarikh perbicaran yang ditetapkan. Tindakan sedemikan adalah salah satu kaedah untuk melewatkan proses perbicaran dan merupakan satu pembaziran masa mahkamah memandangkan dengak cara ini perbicaraan yang telah ditetapkan seringkali ditangguhkan untuk mendengar permohonan tersebut.

3. YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak amat mengambil berat ke atas perkara ini dan telah mengarahkanagar perbuatan ini berhentikan. Sehubungan itu Yang Amat Arif telah mengarahkantindakan berikut diambil:-

2/-.....

(a) Di peringkat pengurusan kes, tuan/puan hendaklah mengarahkan pihak-pihak terlibat untuk memastikan setiap arahan yang diberikan oleh Mahkamah dipatuhi dan sebarang permohonan intelokutori hendaklah difailkan selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh perbicaraan. Tuan/Puan juga dikehendaki untuk meletakkan "unless order" sebagai peringatan kepada pihak-pihak berkenaan tentang akibat yang mungkin timbul sekiranya arahan tersebut tidak dipatuhi.

(b) Untuk kes-kes di Mahkamah-Mahkamah Tinggi, semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar hendaklah memantau senarai kes yang telah ditetapkan untuk perbicaraan di Mahkamah masing-masing dan menghubungi pihak-pihak terlibat kurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh perbicaraan untuk mendapatkan pengesahan yang perbicaraan akan dijalankan dan/atau tiada lagi permohonan intelokutori yang akan difailkan.

(c) Sekiranya didapati atas alasan-alasan yang kukuh suatu kes yang ditetapkan untuk perbicaraan perlu ditangguhkan, tuan/puan dikehendaki menggantikan satu kes lain untuk dibicarakan pada tarikh yang telah ditetapkan itu

(d) Untuk kes-kes di Mahkamah Sesyen dan Majistret, pemantauan arahan di perenggan (b) dan (c) di atas bolehlah dilakukan samada oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah ataupun Jurubahasa tuan/puan.

4. Sekiranya tuan/puan gaga! mematuhi arahan ini dan membiarkan mana-mana perbicaraan ditangguhkan atau alasan pemfailan permohonan intelokutori di saat akhir, tuan/puan adalah dianggap tidak menjalankan tugas dengan bekesan dan sentiasa mencari alasan untuk tidak mendengar perbicaraan di mahkamah tuan/puan.

5. Arahan ini **berkuatkuasa serta merta.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(AZHAHARI KAMAL BIN RAMLI)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.